

Untuk Siaran Segera

Majlis Getah Malaysia Menang Gangsa dalam Anugerah CSR Global

KUALA LUMPUR, 19 November 2021 – Majlis Getah Malaysia (MRC) menerima pengiktirafan paling berprestij di Asia untuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) setelah memenangi Gangsa bagi Anugerah Program Komuniti Terbaik di *Global CSR Virtual Summit and Awards 2021 Ke-13* .

“Program ini merupakan sebuah pengiktirafan dan penghargaan kepada organisasi yang mempunyai produk, perkhidmatan serta pelaksanaan projek-projek dan program-program terkini atau masa lalu yang bukan sahaja cemerlang, inovatif malah bertaraf dunia,” kata Nor Hizwan Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif MRC.

Menurut beliau kriteria yang dipertimbangkan untuk sesebuah program bagi anugerah tersebut termasuklah manifestasi kepimpinan syarikat, keikhlasan dan komitmen berterusan dalam penerapan nilai etika, pematuhan kepada keperluan undang-undang, dan menyantuni individu, komuniti dan alam sekitar semasa memenuhi tanggung jawab korporat mereka.

Inisiatif CSR MRC pada tahun 2021 mensasarkan Komuniti secara menyeluruh di samping Pemain Industri dengan mempertimbangkan aspek Ekonomi, Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (EESG) sterusnya melihat jurang, isu dan cabaran yang wujud, contohnya pandemik Covid-19 yang mengakibatkan anjakan paradigma ekonomi yang menjejaskan kemajuan perniagaan dan penciptaan nilai.

MRC memperuntukkan lebih RM35 juta pada tahun tersebut yang telah memberi manfaat kepada pekerja sektor perladangan dan industri, barisan hadapan seperti Kementerian Kesihatan dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta masyarakat secara keseluruhannya termasuk keluarga kurang berkemampuan di bawah kategori B40 yang terkesan oleh pandemik Covid-19.

Di bawah Program *E-Learning* MRC, 2,000 pelajar telah menerima peranti digital dengan pelan data internet percuma serta tuisyen dalam talian untuk 10 subjek bagi memudahkan pembelajaran mereka.

MRC telah melaksanakan penjenamaan semula pada September 2020 dengan sasaran untuk memacu industri supaya berfokus kepada reka bentuk dan pembangunan, diversifikasi, automasi dan teknologi digital dalam mengukuhkan kedudukan negara ini di rantai nilai global.

Fokus MRC adalah kelestarian secara holistik selaras dengan misi dan objektif Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan industri getah, seterusnya meletakkan Malaysia sebagai peneraju pertanian yang berdaya saing dengan nilai tinggi dan produk pertanian yang mampan di pasaran global.

“Berdaya tahan dalam menghadapi perubahan, kami beriltizam untuk mewujudkan dan merealisasikan rancangan dan matlamat jangka pertengahan dan panjang dalam mengembangkan sektor ini, sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju,” tambah Nor Hizwan Ahmad.

MRC turut menekankan pematuhan sosial di mana kerjasama antara pemain industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan penting untuk mewujudkan amalan terbaik industri.

MRC telah menganjurkan pelbagai program untuk menggalakkan pematuhan sosial melalui pembangunan kapasiti dengan mengadakan latihan teknikal, seminar dan webinar, serta mewujudkan dana pengambilan pekerja Malaysia bagi menggalakkan industri hiliran getah mengambil lebih ramai pekerja tempatan.

Anugerah CSR global ini dianjurkan oleh *The Pinnacle Group International* yang merupakan peneraju dan penganjur persidangan seumpamanya di Asia.

Pemenang-pemenang lain bagi kategori Anugerah Program Komuniti Terbaik di *Global CSR Virtual Summit and Awards 2021 Ke-13* termasuk PepsiCo Foods Vietnam bagi anugerah Platinum, Procter & Gamble Vietnam bagi anugerah Emas, dan DP World Berbera bagi anugerah Perak.

Pada tahun ini, terdapat 350 penyertaan dari seluruh Asia dan 50 organisasi dianugerahkan penghormatan tertinggi dalam 16 kategori anugerah utama, iaitu Anugerah Negara Terbaik untuk Kecemerlangan CSR Keseluruhan, Kecemerlangan Alam Sekitar Terbaik, Program Komuniti Terbaik, Kecemerlangan dalam Penyediaan Literasi & Pendidikan, Pemerksaan Wanita, Amalan Tempat Kerja Terbaik, Kepimpinan CSR, Kecemerlangan Produk, Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik, Pasukan Komunikasi Korporat & Perhubungan Pelabur Terbaik dan Syarikat Ditadbir Terbaik dan Paling Telus.

Pemenang terdahulu dari Malaysia untuk Anugerah CSR Global ini termasuklah Tenaga Nasional Berhad, Kulim Malaysia Berhad, YTL Corporation, Maybank, RHB Bank Berhad, Sarawak Energy Berhad, KLCC Property Holdings Berhad dan Cahya Mata Sarawak Berhad.

[TAMAT]
